

1. NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 NOTICE

1.1 Notis ini dikeluarkan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

This Notice is issued pursuant to the Personal Data Protection Act 2010.

1.2 Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda tentang:-

This Notice serves to inform you on the following:-

- (a) data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami, dan perihalan data peribadi itu;**

your personal data is being processed by us or on our behalf, and the description of the personal data;

- (b) maksud yang baginya data peribadi itu sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya;**

the purposes for which the personal data is being or is to be collected and further processed;

- (c) apa-apa maklumat yang ada pada kami tentang sumber data peribadi itu;**

of any information available to us as to the source of that personal data;

- (d) hak anda itu untuk meminta akses kepada dan untuk meminta pembetulan terhadap data peribadi itu dan bagaimana untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi itu;**

of your right to request access to and to request correction of the personal data and how to contact us with any inquiries or complaints in respect of the personal data;

- (e) golongan pihak ketiga yang kepadanya kami menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi itu;**

of the class of third parties to whom we disclose or may disclose the personal data;

- (f) pilihan dan cara yang ditawarkan oleh kami kepada anda bagi menghadkan pemprosesan data peribadi, termasuklah data peribadi**

yang berhubungan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi itu;

of the choices and means we offer you for limiting the processing of personal data, including personal data relating to other persons who may be identified from that personal data;

- (g) sama ada wajib atau sukarela bagi anda untuk memberikan data peribadi itu; dan

whether it is obligatory or voluntary for you to supply the personal data; and

- (h) jika wajib bagi anda untuk memberikan data peribadi itu, akibat kepada anda jika anda tidak memberikan data peribadi itu.

where it is obligatory for you to supply the personal data, the consequences for you if you fail to supply the personal data.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

COLLECTION OF PERSONAL DATA

- 2.1** Data peribadi ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan kami, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu.

Personal data means any information in respect of commercial transactions that directly or indirectly to you, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in our possession, including any sensitive personal data and expression of opinion about you.

- 2.2** Apabila anda mengarahkan kami untuk membekalkan perkhidmatan guaman atau anda berhubung dengan kami samada melalui perbualan WhatsApp, telefon, emel dan lain-lain, atau dengan menggunakan laman web kami, data peribadi anda adalah sedang atau akan dikumpulkan dan diproses oleh pihak kami.

When you instruct us to provide legal service or communicate with us through WhatsApp conversation, telephone, email or others, or by using our website, your personal data is being or to be processed by us or on our behalf.

- 2.3** Data peribadi yang dikumpulkan dan diproses oleh pihak kami termasuk nama, jantina, kewarganegaraan, nombor kad pengenalan, nombor pasport, nombor telefon, alamat e-mel, alamat pos, taraf perkahwinan, butir-butir anak,

pekerjaan, jawatan dalam syarikat-syarikat, dan maklumat-maklumat lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda.

The personal data that collected and processed by us includes name, gender, nationality, NRIC number, passport number, telephone number, email address, marital status, children's details, occupation, designation in company, and other information that directly or indirectly to you.

3. TUJUAN PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

PURPOSES FOR COLLECTING AND PROCESSING PERSONAL DATA

3.1 Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya adalah bertujuan untuk, antara lainnya:-

Your personal data is being or is to be collected and further processed for, amongst others, the following purposes:-

- (a) untuk membekalkan perkhidmatan kami kepada anda;**
to provide you with our service;
- (b) untuk sebarang tujuan khusus berkaitan dengan perkhidmatan guaman;**
for any specific reason related to the legal service;
- (c) untuk menyimpan rekod yang betul dan lengkap mengenai kerja yang kami lakukan;**
to keep proper records of the works that we carried out;
- (d) untuk mematuhi syarat-syarat di bawah undang-undang dan peraturan kerajaan;**
to comply with legal and regulatory requirements;
- (e) untuk mempertimbangkan anda untuk peluang pekerjaan dengan kami;**
to consider you for possible employment with us;
- (f) untuk menghantar bahan-bahan seperti artikel, penulisan serta pengemaskinian yang lain kepada anda;**
to send you materials such as articles, write-ups as well as other updates;
- (g) untuk menghantar sebagai perujuk berpotensi kepada editor/penyelidik di penerbitan dan jurnal undang-undang bertaraf; kepada pelanggan-**

pelanggan berpotensi yang meminta perujuk untuk kerja terdahulu; dan untuk tujuan pemasaran lain-lain.

to send as potential referees to editors/researchers in ranking legal publications and journals; potential clients who request for referees of past work; and for other marketing purposes.

4. KEPADA SIAPA YANG KAMI AKAN ZAHIRKAN DATA PERIBADI

TO WHOM WE DISCLOSE PERSONAL DATA TO

4.1 Untuk tujuan dalam perenggan (3) di atas, kami boleh mendedahkan data peribadi anda kepada golongan pihak ketiga seperti:-

For the purpose set out in paragraph (3) above, we may disclose your personal data to the class of third parties such as:-

- (a) **juruaudit-juruaudit, peguam-peguam, perunding-perunding, penasihat-penasihat, jurubank, ejen-ejen, pembekal perkhidmatan pihak ketiga (termasuk firma-firma guaman di dalam bidang kuasa lain), rakan-rakan atau sekutu-sekutu perniagaan atau, editor/penyelidik di penerbitan dan jurnal undang-undang bertaraf, atau pelanggan-pelanggan berpotensi;**

auditors, lawyers, consultants, advisers, bankers, agents, third party service providers (including law firms in other jurisdictions), business partners or associates or legal referral guides or potential clients;

- (b) **bank, institusi kewangan; penanggung-penanggung insurans, penanggung-penanggung insurans yang dicadangkan;**

banks, financial institution, insurers, proposed insurers;

- (c) **pihak berkuasa kawal selia dan kerajaan.**

regulatory and governmental authorities.

4.2 Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia.

Transfer of personal data to places outside Malaysia.

- (a) **untuk tujuan dalam perenggan (3) di atas, kami boleh memindahkan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia.**

for the purpose set out in paragraph (3) above, we may transfer your personal data to places outside Malaysia.

- 4.3** Kecuali yang tersebut di atas (yang anda dengan ini memberikan kebenaran anda), maklumat dan data peribadi anda tidak akan dipindahkan dengan sengaja ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau didedahkan dengan sengaja kepada mana-mana pihak ketiga.

Save for the foregoing (which you hereby give your consent), your personal data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any other third party.

5. HAK-HAK ANDA TERHADAP DATA PERIBADI ANDA

YOUR RIGHTS OVER YOUR PERSONAL DATA

- 5.1** Anda adalah berhak untuk meminta akses kepada dan untuk meminta pembetulan terhadap data peribadi anda, di mana anda boleh:-

You have the rights to request access to and to request correction of your personal data, where you may:-

- (a) mengesahkan dengan kami sama ada data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh kami; dan jika ya, meminta akses kepada data peribadi tersebut.

verify with us whether your personal data is being or is to be collected and further processed by us; and if yes, request access to such personal data;

- (b) setelah mengenal pasti sebarang percanggahan antara data peribadi yang kami simpan dengan rekod anda sendiri, meminta pembetulan terhadap data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, atau ketinggalan zaman;

upon identifying any discrepancies between the personal data we hold and your own records, request correction of your personal data that is inaccurate, incomplete, or outdated;

- 5.2** Tertakluk kepada syarat-syarat di bawah undang-undang dan peraturan kerajaan, anda adalah berhak untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi, termasuklah data peribadi yang berhubungan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi itu.

Subject to the legal and regulatory requirements, you have the rights to limit the processing of personal data, including personal data relating to other persons who may be identified from that personal data.

- 5.3** Kecuali mana-mana yang tertakluk kepada syarat-syarat di bawah undang-undang dan peraturan kerajaan, sila ambil perhatian bahawa dengan memberikan kami data peribadi anda, anda dengan ini bersetuju secara sukarela

dan membenarkan kami untuk memproses/meneruskan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan yang dinyatakan di sini.

Except as required by legal and regulatory requirements, please take note that by providing us with your personal data, you hereby voluntarily agree with and consent to us processing/continuing to process your personal data in accordance herewith.

- 5.4** Sekiranya anda ingin meminta akses kepada, untuk meminta pembetulan, atau mengehadikan pemprosesan data peribadi, atau mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi, permintaan bertulis boleh dibuat kepada:-

**Ang & Lim Partnership
E-05-02, Garden Shoppe
Jalan USJ 25/1C, One City
47650 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Emel: general@alpartnership.com (Untuk Perhatian: Pegawai Pematuhan PDPA)**

Should you wish to request access to, request correction of, or limit the processing of personal data, or have any inquiries or complaints in respect of the personal data, written requests can be made to:

*Ang & Lim Partnership
E-05-02, Garden Shoppe
Jalan USJ 25/1C, One City
47650 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: general@alpartnership.com (Attention: PDPA Compliance Officer)*

6. KESAN KETIADAAN DATA PERIBADI

CONSEQUENCES OF THE ABSENCE OF PERSONAL DATA

- 6.1** Sekiranya data peribadi anda tidak dibekalkan atau yang dibekalkan adalah tidak memadai, arahan-arahan anda mungkin tidak akan diterima.

In the event your personal data is not supplied or is insufficiently supplied to us, your instructions may not be accepted.

- 6.2** Sila ambil perhatian selanjutnya bahawa jika anda menarik-balik permintaan anda atau menyekat tujuan dan kaedah-kaedah kami memproses Data Peribadi anda, kami berkemungkinan tidak akan dapat meneruskan untuk bertindak atas arahan-arahan anda.

If you withdraw your consent or restrict the purposes and methods in which we may process your personal data, we may not be able to continue to act on your instructions.